



BADAN KEBAJIKAN STAF UNISEL SELANGOR (BKSU)
(PPM-017-10-22042016)
UNIVERSITI SELANGOR,
JALAN ZIRKON A7/A, SEKSYEN 7,
40000, SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
bksu@unisel.edu.my

MEMO BADAN KEBAJIKAN STAF UNISEL (BKSU)

No. Rujukan : UNISEL/BKSU/MEMO_AKTIVITI/2025 (01)
Tarikh : 17 NOVEMBER 2025
Kepada : SEMUA AHLI BADAN KEBAJIKAN STAF UNISEL (BKSU)

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

YBhg. Dato' /Datin/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

JEMPUTAN MENYERTAI SAMBUTAN HARI KELUARGA 2025 ANJURAN BADAN KEBAJIKAN STAF UNISEL (BKSU)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Badan Kebajikan Staf UNISEL (BKSU) akan menganjurkan satu lagi aktiviti kebersamaan berbentuk kesukanan. Semua ahli BKSU adalah dijemput hadir untuk menyertai semua program yang dijalankan. Butiran aktiviti adalah seperti di bawah:

TARIKH : 21 & 22 NOVEMBER 2025 (JUMAAT & SABTU)
TEMPAT : DEWAN STADIUM UNISEL, KAMPUS BESTARI JAYA
ATURCARA : SILA RUJUK LAMPIRAN

3. Penyertaan adalah terbuka kepada Ahli BKSU dan Ahli keluarga Ahli. T'shirt, makan pagi dan makan tengahari disediakan kepada mereka yang telah mengisi google form yang telah diedarkan sebelum ini melalui Aplikasi WhatsApp.


4. Majlis perasmian akan disempurnakan oleh Y.Bhg Dato' Presiden & Naib Canselor UNISEL akan berlangsung pada hari Jumaat, 21 November 2025 jam 2.45 petang bertempat di Dewan Stadium UNISEL seperti di atas. Semua ahli BKSU dijemput hadir.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh diajukan terus kepada En. Sulaiman Abdul Haq bin Hazman, Ketua Biro Sukan & Rekreasi BKSU di talian 012-281 7497. Kehadiran semua ahli untuk memeriahkan lagi Hari Keluarga BKSU adalah sangat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“Peneraju Transformasi”

Yang Menjalankan Amanah,

A handwritten signature in black ink, consisting of several loops and a long horizontal stroke at the end.

MOHD RAZAKI BIN ABDULLAH

Pengerusi

Badan Kebajikan Staf Unisel (BKSU)

sk: Professor Emeritus Ir. Dato' Dr. Hassan Basri
 Presiden & Naib Canselor
 Merangkap
 Penaung Badan Kebajikan Staf Unisel (BKSU)

ATURCARA

HARI KELUARGA BKSU 2025

Tarikh : 21 & 22 November 2025 (Jumaat-Sabtu)
Masa : Sila rujuk di bawah
Tempat : Stadium UNISEL
Kampus Bestari Jaya

21 November 2025 (Jumaat)

- 2.30 petang : Ketibaan para Jemputan
: Bacaan Doa
: Ucapan Aluan daripada Pengerusi BKSU
- 2.45 petang : Ucapan Perasmian
Professor Emeritus Ir. Dato' Dr. Hassan Basri
Presiden & Naib Canselor
Merangkap
Penaung Badan Kebajikan Staf Unisel (BKSU)
- 3.00 petang : Gimik perasmian
- 3.30 petang : Pengagihan Baju Hari Keluarga kepada Ahli yang berdaftar
- 4.00 petang : Permainan sukan dalaman diteruskan sehingga tamat

22 November 2025 (Sabtu)

- 7.30 pagi : Pendaftaran dan sarapan (disediakan kepada ahli BKSU berdaftar)
- 8.00 pagi : Senamrobik
- 8.30 pagi : Acara sukan bermula
- 1.00 petang : Makan Tengahari (disediakan kepada ahli berdaftar)
- 2.00 petang : Acara sukan bersambung
- 5.00 petang : Penyampaian hadiah kepada semua pemenang setiap sukan
- 6.00 petang : Bersurai

- **Tertakluk kepada perubahan semasa**